

# **MODUL PINTAS**

# **TINGKATAN LIMA**

**1 JAM 15 MINIT**

**3767/1**

**EKONOMI**

Kertas 1

3  
7  
6  
7  
1

## **ARAHAN :**

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**3767/1**

[ **Lihat halaman sebelah** ]

- 1 Kerajaan membuat pilihan dalam ekonomi kerana
- A upah buruh yang rendah untuk memenuhi banyak barang kehendak
  - B jumlah produk dalam pasaran kurang berbanding keperluan rakyat
  - C kekurangan modal bagi membina pelbagai projek pembangunan
  - D peruntukan bagi projek pembangunan melebihi bajet tahunan

- 2 Mengapakah usahawan menerima pulangan untung?
- A Menangguh penggunaan input pada masa sekarang
  - B Meletakkan lebihan modal dalam akaun pelaburan di bank
  - C Memiliki kecekapan dalam menggabung faktor pengeluaran
  - D Menyumbangkan tenaga dan mental dalam proses pengeluaran

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat Otomotif Berhad.

- Harga kereta P seunit RM65 000
- Keupayaan pengeluaran setahun 8 000 unit
- Target menyaingi kereta import

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh firma tersebut?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
  - II Berapa yang hendak dikeluarkan
  - III Bagaimana hendak dikeluarkan
  - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 4 Mengapa kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?
- A Menentu kuantiti permintaan dan penawaran untuk kebajikan rakyat
  - B Menampung kurangan modal dalam pengeluaran barang ekonomi
  - C Mengawal kesan luaran negatif daripada aktiviti pengeluaran
  - D Mengeluarkan sumber penting bagi memaksimum keuntungan
- 5 Pernyataan yang manakah betul tentang keluk penawaran individu?
- A Hubungan negatif di antara harga dengan kuantiti ditawar
  - B Keluk beralih ke kanan apabila harga bahan mentah mahal
  - C Perubahan penawaran disebabkan perubahan harga barang itu
  - D Bentuk keluk lebih curam berbanding keluk penawaran pasaran
- 6 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti permintaan terhadap komputer riba bagi tempoh dua bulan.


Harga (RM)	Jumlah permintaan (unit)	
	Januari	Julai
1 550	10 000	10 500

Jadual 1

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan permintaan komputer riba pada bulan Julai berbanding bulan Januari?

- A Jangkaan harga akan naik pada masa depan
- B Amaun potongan wajib semakin besar
- C Kadar cukai pendapatan meningkat
- D Harga barang penggenap mahal

7 Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran bagi suatu barang.



Rajah 1

Apakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Peruntukan subsidi dalam bajet ditambah
- B Kadar tarif bahan mentah import dinaikkan
- C Harga dijangka meningkat pada masa hadapan
- D Matlamat firma untuk memaksimumkan untung


8 Maklumat berikut berkaitan dengan harga dan kuantiti diminta terhadap dapur elektrik.

- Pada tingkat harga RM400 seunit, kuantiti diminta ialah 1 000 unit.
- Apabila harga jatuh kepada RM350 seunit, kuantiti diminta sebanyak 1 200 unit.

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut?

- A 0.63
- B 0.75
- C 1.33
- D 1.60

- 9 Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi barang G.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Penawaran bertambah sebanyak 100 unit pada tingkat harga RM30
- B Pasaran mencapai keseimbangan apabila harga meningkat sebanyak RM20
- C Pergerakan titik A ke E menyebabkan kuantiti diminta turun sebanyak 100 unit
- D Perubahan harga menuju keseimbangan menyebabkan kuantiti diminta berkurang 40 unit

- 10 Iklan jualan di bawah berkaitan dengan fungsi wang dalam ekonomi.



Apakah fungsi wang RM17.10 dalam iklan tersebut?

- A Alat perantaraan pertukaran
- B Alat bayaran tertunda
- C Alat penyimpan nilai
- D Alat pengukur nilai

11 Apakah peranan bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- I Mengawal nisbah rizab berkanun
  - II Memberi pendahuluan sementara
  - III Mengurus kadar pertukaran asing
  - IV Menjadi sumber pinjaman terakhir
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

12 Tindakan bank pusat yang manakah dapat mengurangkan kuasa beli pengguna dalam ekonomi?

- A Melonggar syarat sewa beli
- B Membeli surat jaminan kerajaan
- C Menaikkan kadar faedah pinjaman
- D Menurunkan nisbah rizab berkanun

13 Pernyataan yang manakah betul tentang kemudahan overdraf bank perdagangan?

- A Faedah dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang diluluskan
- B Baki yang tidak dibelanjakan akan dibayar pulangan
- C Merupakan sejenis pinjaman jangka panjang
- D Disediakan kemudahan menggunakan cek

**14** Manakah yang betul tentang kegiatan ekonomi di sektor kedua?

- A Meliputi kerja penyediaan bangunan kediaman
- B Mengeluar hasil bumi mengikut bentuk barang asal
- C Menawarkan kegiatan sokongan kepada pelbagai sektor lain
- D Mengeluarkan petroleum mentah adalah contoh kegiatan ekonomi

**15** Apakah faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?

- A Kemudahan pinjaman beli kenderaan
- B Hadiiah pembelian sesuatu barang
- C Waktu bekerja yang fleksibel
- D Pejabat berhawa dingin

**16** Jadual 2 menunjukkan pendapatan dan pembayaran Encik Abu dalam setahun.

Butiran	Jumlah (RM)
Pendapatan	35 800
Caruman KWSP	3 850
Cukai pendapatan	380
Bayaran zakat	360
Premium insurans hayat	1 200

Jadual 2

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Abu pada tahun tersebut?


- A RM31 570
- B RM31 210
- C RM30 370
- D RM30 010

- 17 Antara yang berikut, manakah merupakan kelebihan pembelian secara kredit?
- I Menggalakkan perbelanjaan secara berhemah
  - II Merancang penggunaan wang berdasarkan baki bulanan
  - III Meringankan beban kewangan selepas pembelian barang
  - IV Mengelak daripada berlaku tekanan inflasi dalam ekonomi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 18 Pilih urutan yang betul dalam menyediakan belanjawan peribadi.
- I Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan
  - II Mencatatkan kesemua perbelanjaan yang perlu dilakukan
  - III Kenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
  - IV Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- A II, IV, I dan III
  - B II, III, I dan IV
  - C III, I, IV dan II
  - D III, II, IV dan I
- 19 Firma ialah satu unit ekonomi yang
- A membekal sumber input
  - B meminimum kos pengeluaran
  - C mengguna output dalam pasaran
  - D memaksimum kepuasan pelanggan

- 20 Gambar 1 dan Gambar 2 ialah dua contoh input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1



Gambar 2

Pasangan yang manakah betul tentang gambar di atas?

	Gambar 1	Gambar 2
A	Wujud pada pengeluaran sifar	Wujud apabila pengeluaran telah dimulakan
B	Berubah mengikut perubahan keluaran	Tetap walaupun berlaku perubahan keluaran
C	Sukar ditambah dalam jangka masa pendek	Mudah ditambah dalam jangka masa pendek
D	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah

- 21 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi sebuah firma.

- |  |                              |
|--|------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos Tetap</li> <li>• Kos Berubah</li> <li>• Kos Purata</li> </ul> | RM50.00<br>RM30.00<br>RM2.00 |
|--|------------------------------|

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- A 40 unit
- B 60 unit
- C 80 unit
- D 100 unit

- 22 Jadual 3 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
10	630
15	680
20	740

Jadual 3

Berapakah kos marginal bagi keluaran ke-15?

- A RM10.00
  - B RM12.00
  - C RM45.33
  - D RM52.40
- 23 Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan sebagai pengeluar?
- A Menstabilkan harga barang di pasaran
  - B Membekalkan barang awam kepada rakyat
  - C Menyediakan peluang pekerjaan di sektor awam
  - D Mengawal kesan luaran daripada aktiviti pengeluaran
- 24 Apakah yang menyebabkan berlaku inflasi tolakan kos?
- A Kadar pertukaran Ringgit Malaysia naik
  - B Perbelanjaan masyarakat bertambah
  - C Peningkatan harga bahan mentah
  - D Kuasa beli pengguna tinggi

25 Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran dalam ekonomi.

- Kemerosotan dalam industri tertentu menyebabkan pembuangan pekerja dalam sektor berkenaan.
- Pekerja tersebut sukar mencari pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lain.

Apakah punca jenis pengangguran tersebut berlaku?

- A Sikap buruh yang terlalu memilih pekerjaan
- B Berlaku ketidakstabilan harga komoditi
- C Kelewatan iklan kekosongan jawatan
- D Firma mengurangkan pengeluaran

26 Manakah yang betul tentang dasar fiskal menguncup?

- A Mengurangkan belanja pembangunan
- B Menurunkan kadar cukai pendapatan
- C Menambahkan bilangan tenaga kerja
- D Meningkatkan permintaan agregat

27 Manakah merupakan hasil cukai langsung kerajaan?

- A Cukai jualan
- B Cukai pintu
- C Duti import
- D Duti eksais

28 Maklumat berikut berkaitan jenis sumber hasil kerajaan:

$$\text{Jumlah Hasil} = \text{Cukai Langsung} + X + \text{Hasil bukan cukai}$$


Pernyataan yang manakah betul tentang X?

- A Bebanan boleh dipindah kepada pihak lain
- B Merapatkan jurang antara masyarakat
- C Sumbangan terbesar hasil kerajaan
- D Contohnya ialah duti setem

29 Komponen yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?

- A Naik taraf jalan kampung
- B Bantuan diesel kepada nelayan pantai
- C Bekalkan kertas untuk pejabat kerajaan
- D Menyelenggara bangunan Hospital Serdang

30 Maklumat di bawah menunjukkan tindakan bank pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.



Pasangan yang manakah betul tentang perlaksanaan tindakan bank pusat tersebut?

	Dasar Kewangan	Tindakan
A	Menguncup	Kurangkan nisbah rizab berkanun
B	Mengembang	Naikkan kadar faedah pinjaman
C	Menguncup	Longgarkan syarat sewa beli
D	Mengembang	Beli surat jaminan kerajaan

31 Pernyataan yang manakah betul tentang tujuan kuota?

- A Mengurangkan kos pengeluaran tempatan
- B Menghad kemasukan barang import
- C Menjamin keselamatan negara
- D Meningkatkan hasil kerajaan

32 Jadual 4 menunjukkan eksport dan import barang nampak Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611

Jadual 4

Apakah keadaanimbangan dagangan negara tersebut?

- A Lebihan RM61 510 juta
- B Lebihan RM339 185 juta
- C Kurangan RM61 510 juta
- D Kurangan RM339 185 juta

33 Apakah yang menyebabkanimbangan dagangan cenderung positif?

- A Peningkatan import barang oleh negara luar
- B Kemasukan modal asing semakin tinggi
- C Pertambahan pengambilan pekerja asing
- D Kehadiran pelancong luar yang ramai

34 Situasi yang manakah mewujudkan penawaran bagi Ringgit Malaysia?

- A Hotel Seri Manjung menerima pelancong dari Jepun
- B Toyota Motor Jepun mendapat pekerja mahir dari Malaysia
- C Universiti Malaya menghantar pensyarah berkhidmat di Oxford
- D MAS Airline menyewa pesawat Saudi Air bagi pakej haji di Mekah

35 Jadual 5 menunjukkan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2018	USD1 = RM3.80
2019	USD1 = RM4.10

Jadual 5

Pernyataan yang manakah betul tentang kadar pertukaran tahun 2019 berbanding tahun 2018?

- A Harga barang import Amerika Syarikat di Malaysia lebih murah
- B Jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat berkurangan
- C Penawaran Ringgit Malaysia akan menurun
- D Imbangan dagangan cenderung negatif

**Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.**

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36      I      Kerajaan membuat pilihan kerana kekurangan sumber modal.  
         II     Pilihan yang dibuat oleh kerajaan adalah bermatlamat memaksimumkan kebijakan.
- 37      I      Keanjalan harga permintaan mengukur tindak balas perubahan kuantiti barang akibat perubahan harga.  
         II     Keanjalan harga permintaan sesuatu barang adalah anjal perlu dinaikkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil.
- 38      I      Belanjawan kurangan menunjukkan perbelanjaan kerajaan melebihi jumlah hasil.  
         II     Belanjawan kurangan dilaksanakan untuk mengawal kemelesetan ekonomi dalam negara.
- 39      I      Akaun semasa ialah akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran kewangan sesebuah negara dalam tempoh setahun.  
         II     Penerimaan kewangan akaun semasa direkod dalam butiran debit manakala pembayaran kewangan direkod dalam butiran kredit.
- 40      I      Permintaan ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan terhadap eksport negara.  
         II     Peningkatan permintaan ke atas eksport akan mendorong kepada peningkatan nilai Ringgit Malaysia di pasaran.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**